



## SIARAN MEDIA

### IPEF 2023 MENGGARAP DIMENSI DINAMIK PASARAN BURUH

“**Building a Resilient Workforce: The MADANI Approach,**” menjadi tema utama bagi penganjuran International Public Employment Forum (IPEF) 2023. Dianjurkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), program ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Sumber Manusia dalam membangunkan modal insan yang cekap, produktif, responsif serta berdaya tahan dalam pasaran buruh, dengan matlamat untuk meningkatkan produktiviti negara.

Forum antarabangsa yang berlangsung selama tiga hari bermula 11- 13 Oktober 2023 menghimpunkan lebih **1,000 penyertaan**. IPEF 2023 menjadi platform global untuk perbincangan mengenai penyelesaian yang inovatif dan amalan terbaik yang ditampilkan oleh 28 ahli panel antarabangsa. Antaranya yang mengambil bahagian adalah dari Belgium, Indonesia, Ireland, Republik Korea, Turki dan Malaysia.

Antara fokus utama yang dibawakan sepanjang forum berlangsung adalah : **Workforce Transformation and Agility, Enhancing Unemployment Protection, Strengthening TVET and Promoting Youth Employment, Expanding SMEs and Startups’ Access to Funding and Other Growth Resources and Empowering Marginalised Groups in The Workforce.**

Barisan panel terkemuka yang turut memberikan input sewaktu persidangan ini adalah Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Pengurus Majlis Perniagaan Pembangunan Lestari (BCSD) Malaysia, Prof Tan Sri Zakri Abdul Hamid; Penasihat Penyelidikan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Prof Dr. Jomo Kwame Sundaram; Felo Penyelidik Pusat Pemantauan Dasar Perkhidmatan Maklumat Pekerjaan Belia Korea, Dr. Park Ka Yeul serta penampilan khas bekas ratu boling negara, Datuk Shalin Zulkifli.

IPEF 2023 hari ini turut menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Statistical, Economic and Social Research and Training for Islamic Countries (SESRIC) dan PERKESO. SESRIC memainkan peranan penting dalam meningkatkan perlindungan sosial dan rangkuman kewangan dalam kalangan negara Islam di seluruh dunia. Perkongsian strategik kedua-dua pihak telah bermula pada 2022 dengan memberi keutamaan dalam bidang statistik, penyelidikan dan latihan. Kerjasama ini mengesahkan komitmen kedua-dua pihak dalam meningkatkan perlindungan sosial di negara Islam.

Diharap daripada sesi perkongsian IPEF 2023 akan membuka jalan ke arah tenaga kerja yang bertenaga dan teguh yang dapat menahan pergolakan yang datang dalam landskap buruh yang dinamik. Forum antarabangsa ini diyakini dapat memangkin tenaga kerja yang lebih berdaya tahan di Malaysia menggunakan pendekatan MADANI, yang akan membantu kita mengatasi cabaran dan mencapai matlamat ekonomi.

Tamat

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**11 Oktober 2023**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**  
**Mohd Wazid Zaidon**  
**+6017-619 3181**  
**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**